


BAHASA MELAYU

2026-2027

STUDY IN JAPAN

////// PANDUAN ASAS ////



Independent Administrative Institution
Japan Student Services
Organization



STUDY in JAPAN

10

FAKTA RINGKAS MENGENAI JEPUN

Informasi asas mengenai Jepun

Luas
Kawasan

kira-kira **378,000** km²

Populasi

kira-kira **123,192,000**

Ibu
Negara

Tokyo

Matawang

Yen (¥)

Jumlah pemenang
Anugerah Nobel

31



Sumbangan Kewangan ke
PBB

No. **3**



Pendapatan Negara
Kasar (GDP)

No. **4**



Jumlah universiti Jepun yang berada
di tangga ke 1000 universiti teratas mengikut
QS World University Ranking 2025

23



Jumlah robot
perindustrian yang
sedang beroperasi

No. **2**



Tapak Budaya dan Warisan
Semulajadi Dunia

26



Indeks Keamanan Global
(Di Asia)

No. **2**



Jumlah bandar Jepun yang berada di
dalam 10 Bandar Besar Terbaik Dunia

1
(Tokyo)



Jumlah eksport kenderaan

No. **1**



Rujukan : • Kementerian Luar Negeri Kanak-kanak, Pelbagai Kedudukan Pengetahuan Dunia (<https://www.mofa.go.jp/mofaj/kids/ranking/index.html>) • Condé Nast Traveler (Anugerah Pilihan Pembaca 2025) • Indeks Keamanan Global 2025 • Senarai Warisan Dunia UNESCO (<https://whc.unesco.org/en/list/>) • Persatuan Robot Jepun (<https://www.jara.jp/data/index.html>) • Biro Statistik Jepun • The Nobel Foundation • Kementerian Luar Negeri Jepun, Petunjuk Ekonomi Utama • Persatuan Pengilang Automobil Jepun (<https://www.jama.or.jp/statistics/>)



KANDUNGAN

Bagaimanakah keadaan di Jepun ? Jepun adalah negara yang penuh dengan perkara menarik yang pasti akan membawa anda mendekati impian anda.

Kenapa belajar di Jepun?

Izumo Kagura ©iku



Di Jepun, budaya tradisional seperti sado, kabuki dan budo wujud bersama dengan budaya pop seperti manga dan anime.

Jepun mempunyai banyak gunung dan dikelilingi oleh lautan, jadi anda boleh menikmati perubahan dramatik dalam pemandangan semula jadi sepanjang musim bunga, musim panas, musim luruh dan musim sejuk.

Telaga Air Panas sewaktu musim Sejuk (Ginzan Onsen, Bandar Obanazawa @Koichi_Hayakawa



BUDAYA



Gelanggang Sumo di Kuil Yahiko ©Yahikomura

ALAM SEMULAJADI



Gunung Fuji dan daun musim luruh di tepi Tasik Kawaguchi©Koichi_Hayakawa

KESELAMATAN

Masa menenangkan ©yurani



MAKANAN

Sushi



Keretapi laju Shinkansen

Gaya hidup Jepun yang selesa dan perkhidmatan perubatan terkini disokong oleh tahap sains dan teknologi yang merupakan di antara yang tertinggi di dunia. Kerajaan Jepun terus memberi tumpuan kepada pertumbuhan selanjutnya dalam bidang sains dan teknologi. Superkomputer yang dibangunkan di Jepun terus menjadi antara yang terbaik di dunia.

Washoku, budaya pemakanan tradisional Jepun, telah dipilih sebagai warisan budaya tidak ketara oleh UNESCO, yang terdiri daripada bahan-bahan yang dipilih berdasarkan musim. Ia menerima banyak perhatian di seluruh dunia sebagai masakan yang sihat dan berwarna-warni.



Takoyaki (Bebola sotong kurita)




Pendidikan tinggi di Jepun

Sistem pendidikan



Carian institusi pendidikan

https://www.studyinjapan.go.jp/en/search-for-schools/school_search.php?lang=en



- Pendidikan tinggi di Jepun bermula selepas menamatkan enam tahun sekolah rendah, tiga tahun sekolah menengah rendah, dan tiga tahun sekolah menengah tinggi (jumlah 12 tahun).
- Pelajar antarabangsa yang ingin memasuki institusi pendidikan tinggi Jepun **mesti melengkapkan 12 tahun pendidikan formal** terlebih dahulu.
- Mereka yang mempunyai kurang daripada 12 tahun pendidikan formal mesti terlebih dahulu melengkapkan kursus persediaan universiti yang berlangsung selama satu hingga dua tahun sebelum memasuki institusi pendidikan tinggi.

7 langkah untuk belajar di Jepun



MULA

Menyertai universiti atau kolej latihan profesional sebagai pelajar sepenuh masa



MATLAMAT

Kursus Persediaan Universiti

● Apakah kursus persediaan universiti?

Untuk melanjutkan pelajaran ke universiti atau institut pendidikan tinggi di Jepun, pemohon mestilah terlebih dahulu menamatkan pendidikan sekolah formal selama 12 tahun. Jika sistem persekolahan biasa di negara asal anda (sehingga tamat sekolah menengah) kurang daripada 12 tahun, anda boleh melengkapkan mana-mana kursus persediaan universiti yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT) Jepun untuk layak mendapat kemasukan ke universiti. Dalam kursus persediaan ini, pelajar akan mempelajari bahasa Jepun serta subjek asas yang diperlukan untuk kemasukan ke universiti. Laman web MEXT menyenaraikan institusi pendidikan bahasa Jepun yang menawarkan kursus persediaan ini..



Senarai kursus persediaan universiti yang diluluskan oleh MEXT
<https://www.mext.go.jp/en/policy/education/highered/title02/detail02/sdetail02/1395421.html>





Persediaan untuk memasuki universiti di Jepun

Peperiksaan Kemasukan Universiti Jepun untuk Pelajar Antarabangsa (EJU)



Peperiksaan Kemasukan Universiti Jepun untuk Pelajar Antarabangsa (EJU)



EJU

<https://www.jasso.go.jp/en/ryugaku/eju/index.html>

Peperiksaan Kemasukan Universiti Jepun untuk Pelajar Antarabangsa (EJU) direka untuk menilai kecekapan bahasa Jepun dan kebolehan akademik asas (sains, subjek umum dan matematik) pelajar antarabangsa yang ingin mendaftar di peringkat sarjana muda di universiti dan institusi pendidikan tinggi lain di Jepun. Tiada syarat kelayakan atau sekatan umur. Skor peperiksaan sah selama dua tahun. Kira-kira 500 universiti—mewakili lebih daripada 60 peratus universiti Jepun dan hampir semua universiti kebangsaan—menggunakan skor EJU dalam proses pemilihan kemasukan mereka. Mengambil EJU juga mempunyai faedah lain. Contohnya, sesetengah sekolah telah memperkenalkan sistem kemasukan pra-ketibaan yang menggunakan skor EJU. Mereka yang mempunyai skor EJU yang cemerlang juga boleh dipilih untuk Biasiswa Kepujian Mombukagakusho Untuk Pelajar Antarabangsa Persendirian (Program tempahan).

Nota: Sesetengah institusi hanya menerima keputusan EJU daripada tahun akademik dan/atau bulan tertentu, jadi sila semak garis panduan permohonan institusi pilihan anda untuk mengetahui tentang keperluan EJU mereka.



● Sesi ujian

Dianjurkan 2 kali setahun

		Pertama	Kedua
1	Permohonan	Februari hingga Mac	Julai
2	Terima slip peperiksaan	Mei	Oktober
3	Tarikh peperiksaan	Jun	November
4	Pengumuman keputusan	Julai	Desember

● Lokasi ujian

Jepun : 17 bandar

Luar Jepun: 17 bandar di 13 negara dan kawasan

Lokasi luar negara

India (New Delhi), Indonesia (Jakarta, Surabaya), South Korea (Seoul, Busan), Sri Lanka (Colombo), Singapore, Thailand (Bangkok, Chiang Mai), Taiwan (Taipei), the Philippines (Manila), Vietnam (Hanoi, Ho Chi Minh City), Hong Kong, Malaysia (Kuala Lumpur), Myanmar (Yangon), Mongolia (Ulaanbaatar)

Tempat untuk Belajar Bahasa Jepun

Terdapat tiga jenis institusi utama yang mengajar bahasa Jepun kepada mereka yang penutur bukan asli.

Sekolah bahasa Jepun

Ini adalah sekolah yang ditubuhkan oleh institusi pendidikan, syarikat, dan sebagainya. Selain pengajian asas bahasa Jepun, mereka menawarkan pelbagai kursus, termasuk kursus untuk menyediakan pelajar bagi pendidikan tinggi dan kursus bahasa Jepun untuk kegunaan perniagaan. Tempoh pengajian juga berbeza-beza, dari beberapa minggu hingga maksimum dua tahun.

Kursus persediaan yang ditawarkan di universiti dan kolej swasta

Kursus khas sebagai persediaan untuk pendidikan kemahiran khas yang ditawarkan oleh universiti bagi mendidik pelajar antarabangsa biasanya dirujuk sebagai kursus persediaan untuk pelajar antarabangsa.

Terdapat pelbagai jenis kursus persediaan untuk pelajar antarabangsa, seperti yang tertumpu pada penjagaan kejururawatan, pengajian antarabangsa dan bahasa Jepun. Kandungan kursus berbeza-beza bergantung pada institusi, tetapi kebanyakan kursus persediaan menyediakan pendidikan tentang bahasa Jepun, subjek akademik asas dan budaya Jepun yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti atau institusi lain. Tempoh pengajian adalah dari satu hingga dua tahun.

● Matapelajaran yang diperlukan

Pelajar akan mengambil subjek yang ditetapkan oleh universiti yang mereka pohon (satu hingga tiga subjek) dalam bahasa yang ditetapkan oleh universiti.

Subjek	Matlamat	Masa (minit)	julat markah	Pilihan subjek	Bahasa ujian
Jepun sebagai bahasa asing	Bahasa Jepun sebagai Bahasa Asing Untuk menilai kecekapan bahasa Jepun (akademik bahasa Jepun) yang diperlukan untuk pengajian di universiti dan institusi Jepun lain.	125	Pembacaan pemahaman Pendengaran Pendengaran - Pembacaan Pemahaman: 0-400 Penulisan: 0-50		Hanya Bahasa Jepun
Skil akademik asas	Sains	80	0-200	Pilih dua daripada fizik, kimia dan biologi	Pilih samada Bahasa Jepun atau Bahasa Inggeris
	Jepun dan dunia	80	0-200		
	Matematik	80	0-200	Kursus 1 (bagi mereka yang merancang untuk memasuki program seni liberal atau program sains yang memerlukan pengetahuan matematik yang agak kurang) Kursus 2 (bagi mereka yang merancang untuk memasuki program yang memerlukan pengetahuan matematik yang lebih lanjut)	

Nota: "Jepun dan Dunia" ialah subjek unik untuk EJU, dan menggabungkan tiga subjek sekolah menengah atas Jepun: sivik (politik, ekonomi, dll.), geografi dan sejarah.

Kursus (kurikulum) yang di pilih akan berbeza-beza bergantung pada tujuan anda mempelajari bahasa Jepun. Apabila memilih sesebuah institusi, pastikan anda mengumpulkan maklumat melalui brosur institusi dll. untuk memastikan institusi/kursus tersebut sesuai dengan matlamat anda.

Kursus bahasa Jepun di kolej latihan khusus

Kursus-kursus ini ditubuhkan di kolej latihan khusus yang diluluskan oleh gabenor wilayah. Selain pengajian asas bahasa Jepun, mereka menawarkan kursus untuk menyediakan pelajar bagi pendidikan tinggi. Tempoh pengajian adalah dari satu hingga dua tahun.

● Laman web yang berguna untuk mendapatkan informasi mengenai institusi pendidikan bahasa Jepun



Japanese-Language Education Institution Accreditation Act Portal (MEXT)
<https://www.nihongokyouiku.mext.go.jp/top>



Persatuan Promosi Pendidikan Bahasa Jepun
https://www.nisshinkyo.org/search/index_e.html



Senarai sekolah yang ditetapkan oleh Kementerian Kehakiman (MoJ)
https://www.moj.go.jp/isa/applications/resources/nyuukokukanri07_00217.html?hl=en



Persatuan Sekolah Bahasa Jepun (JALSA)
<https://jalsa.tokyo>





Yuran pengajian & Kos Sara Hidup

Yuran pengajian

● Purata yuran pengajian tahunan untuk universiti

		Universiti kebangsaan	Universiti awam	Universiti swasta
Sarjana muda		535,800 yen	536,340 yen	1,140,619 yen
Sekolah pengajian siswazah	Program master	535,800 yen	530,802 yen	881,727 yen
	Program phd	535,800 yen	530,802 yen	663,923 yen
	Program ijazah professional	535,800 yen	530,802 yen	1,107,372 yen

Nota: Yuran pengajian universiti swasta termasuk yuran penyelenggaraan kemudahan dan kos-kos lain.


Rujukan:

- Tinjauan Yuran Pelajar dan Kos Lain untuk Pelajar yang Memasuki Universiti Swasta pada Tahun 2025 (https://www.mext.go.jp/a_menu/koutou/shinkou/07021403/1412031_00006.html)
- Tinjauan Yuran Pelajar 2024 (Universiti Awam) (https://www.mext.go.jp/a_menu/koutou/kouritsu/detail/20250328-ope_dev02-2.pdf)

Kos sara hidup

• Panduan kos sara hidup

Kos sara hidup lebih mahal di bandar-bandar besar. Contoh: 130,000 yen/bulan di Tokyo



Rujukan: Tinjauan Gaya Hidup Pelajar Antarabangsa Persendirian 2023 (JASSO)

 Asrama pelajar 28,000 yen	 Rumah sewa 30,190 yen	 Beras (5kg) 4,979 yen
 Mi ramen 723 yen	 Epal (1 kg) 811 yen	 Air berkarbonat (1l) 257 yen
 Kopi di Kafe 502 yen	 Tiket wayang 1,454 yen	 Teksi (4km) 1,732 yen

Rujukan: Tinjauan Harga Runcit (Disember 2025) daripada e-Stat (laman portal Statistik Rasmi Jepun)

Nota:

1. Amaun yang disenaraikan adalah purata kebangsaan.
2. Amaun yang disenaraikan untuk "Asrama Pelajar" adalah untuk yuran asrama pelajar Pusat Pendidikan Bahasa Jepun JASSO Tokyo.
3. Amaun yang disenaraikan untuk "rumah sewa" adalah untuk unit seluas 20m2.
4. Harga tiket wayang adalah berdasarkan data yang diterbitkan oleh Persatuan Penerbit Wayang Jepun.

Biasiswa & Bantuan Kewangan

Biasiswa
https://www.studyin-japan.go.jp/en/planning/scholarships/



Kaedah 1

Mohon biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Jepun

* Amaunnya berbeza mengikut jenis biasiswa. ** Amaun untuk pelajar sekolah bahasa Jepun

	Biasiswa MEXT	Biasiswa Keputjian Monbukagakusho Untuk Pelajar Antarabangsa Persendirian	Program Sokongan Pertukaran Pelajar (Biasiswa untuk pengajian jangka pendek di Jepun)
Jumlah bantuan bulanan	Dari 117,000 yen*	48,000 yen atau 30,000 yen**	80,000 yen
pengecualian yuran pengajian	✓		
Tiket penerbangan percuma	✓		
Pendidikan persediaan percuma	✓		
Tempoh pembiayaan	Sepanjang tempoh pembelajaran	1 tahun atau 6 bulan	Sepanjang tempoh program pertukaran pelajar
Pelajar yang layak	Siswazah, sarjana muda, kolej teknologi, kolej latihan profesional, pengajian Jepun dan pelajar latihan perguruan	Pelajar siswazah, sarjana muda, kolej junior, kolej teknologi, kolej latihan profesional dan pelajar bahasa Jepun	Pelajar kolej siswazah, sarjana muda, kolej teknologi dan kolej latihan profesional yang belajar di Jepun selama satu tahun atau kurang
Berasaskan gred	✓	✓	✓
Berasaskan pendapatan isi rumah		✓	✓
Proses saringan	Saringan dokumen, peperiksaan bertulis dan temuduga	Bergantung kepada institusi	Saringan dokumen
Jumlah tersedia	Tidak diwartakan	Sekitar 7,000 pelajar	Sekitar 5,000 pelajar

Pertanyaan dan permohonan

Kedutaan atau konsulat Jepun di negara anda atau sekolah tempat anda bersekolah sekarang

Institusi di Jepun yang anda ingin belajar

Sekolah yang anda sedang hadiri

Kaedah 2

Mohon biasiswa kepada kerajaan tempatan atau yayasan swasta

- Mohon selepas menyertai sekolah di Jepun.
- Mungkin terdapat syarat mengikut negara asal, sekolah yang akan anda hadiri, dan bidang pengajian.
- Ditawarkan untuk beberapa ratus pelajar setiap tahun. Cari dari laman web di bawah.



Biasiswa kerajaan tempatan atau yayasan swasta
https://www.studyin-japan.go.jp/en/planning/scholarships/other-scholarships/



Pertanyaan dan permohonan

Sekolah di Jepun yang anda ingin belajar atau kumpulan yang berkaitan

Kaedah 3

Mohon biasiswa di kampus atau gunakan sistem pengecualian/pengurangan yuran pengajian

Untuk Universiti X

Pengecualian yuran pengajian
(30% ~ 100%)

Sasaran
Pelajar yang mempunyai gred cemerlang dan menghadapi kesukaran untuk membayar yuran atas sebab kewangan

Untuk Universiti Y

Biasiswa 82,000 yen sebulan (selama empat tahun)


Sasaran
Pelajar yang mempunyai keputusan peperiksaan kemasukan universiti yang cemerlang

Pertanyaan dan permohonan

Sekolah di Jepun yang anda ingin belajar

KERJA DI JEPUN

Dari status pelajar antarabangsa ke pekerja



10 pekerjaan popular di kalangan pelajar antarabangsa

Rank	Jenis pekerjaan
1	Terjemahan dan tafsiran
2	Teknologi maklumat dan komunikasi
3	Pengurusan (bukan esekutif)
4	Perdagangan antarabangsa
5	Pemasaran korporat
6	Khidmat pelanggan (lain-lain)
7	Perancangan (penyelidikan pemasaran)
8	Pekerja penjagaan
9	Pekerjaan lain dalam industri perkhidmatan (pekerjaan yang tidak termasuk dalam kategori lain)
10	Penyelidikan

Rujukan: "Status pekerjaan pelajar antarabangsa di syarikat-syarikat Jepun pada tahun 2024" (Agensi Perkhidmatan Imigresen Jepun)

Mencari pekerjaan

Proses mencari pekerjaan di Jepun agak unik. Oleh itu, adalah penting bagi pelajar antarabangsa yang ingin mencari pekerjaan untuk memulakan persiapan lebih awal. Gunakan laman web di bawah untuk mula mengumpulkan maklumat.

 **Panduan Mencari Pekerjaan untuk Pelajar Antarabangsa (JASSO)**
https://www.jasso.go.jp/en/ryugaku/after_study_j/job/guide.html

 **Terbuka kepada Profesional (JETRO)**
<https://www.jetro.go.jp/en/hrportal/>



Temuduga



Belajar, Bekerja, dan Cabar Diri Anda di Jepun

IZHAR HANIF

Saya datang ke Jepun pada tahun 2013. Selepas mengikuti pengajian di sekolah bahasa Jepun, saya menyambung pelajaran di Universiti Reitaku. Setelah tamat pengajian, saya bekerja di sebuah hotel di Tokyo selama tiga tahun setengah. Kini, saya bertugas sebagai pengurus kedai di sebuah stesen kecil di Hokkaido. Setiap tahun, saya menikmati aktiviti papan salji (snowboarding) dan menjalani kehidupan yang santai.

Budaya mencari pekerjaan di Jepun adalah unik. Proses ini bermula pada tahun ketiga pengajian di universiti, dan para pelajar biasanya sudah mendapat pekerjaan sebelum mereka tamat pengajian.

Status sebagai warga asing merupakan satu kelebihan dalam masyarakat Jepun. Anda berpeluang bekerja dengan memanfaatkan pelbagai bahasa dan budaya. Banyak syarikat yang sedang mencari tenaga kerja asing.

Selain itu, walaupun setelah mula bekerja, anda masih boleh menyahut cabaran baharu. Anda berpeluang bertemu dengan ramai orang dan menimba pelbagai pengalaman. Ayuh, cuba langkah peralihan daripada seorang pelajar kepada pekerja profesional di Jepun!

Kenapa saya memilih untuk belajar di Jepun



Saya belajar dalam persekitaran yang indah.

HTET SU
Kobe Institute of Computing

Saya menjadi peminat anime Jepun, yang mendorong minat saya dalam penerbitan anime. Saya memutuskan untuk belajar di Jepun untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan. Saya kini sedang mempelajari animasi 3DCG di Kobe Institut of Computing, yang merupakan pengalaman yang sangat bermanfaat setakat ini. Pada mulanya, saya bimbang tentang banyak perkara, seperti berkawan, kerana saya akan mengambil kelas dengan pelajar Jepun, tidak seperti di sekolah bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, saya telah mendapat ramai rakan Jepun, dan kami menyelesaikan projek bersama-sama, keluar, dan menyertai festival sekolah, menjadikan kehidupan kampus saya sangat memuaskan. Saya ingin menambah bahawa guru-guru tidak pernah melayan saya secara berbeza kerana saya seorang pelajar antarabangsa. Sebaliknya, mereka mengiktiraf usaha saya dan memberi saya pelbagai peluang, yang mana saya benar-benar bersyukur.

Mengimbangi kembali pengalaman saya setakat ini, saya dipenuhi dengan kegembiraan dan kekaguman kerana telah dikurniakan persekitaran pendidikan yang begitu indah, guru yang menyokong, dan rakan-rakan yang hebat.




Saya ingin berkongsi tarikan yang saya temui semasa saya di Jepun.

LEE
Sekolah Sains Hayat, Fakulti Perubatan,
Tottori University

Saya datang ke Jepun untuk mengejar impian saya sebagai seorang penyelidik. Saya telah melalui pengalaman yang agak luar biasa sebagai pelajar antarabangsa di Jepun, memandangkan destinasi saya adalah Wilayah Tottori, sebuah kawasan luar bandar Jepun dengan populasi terendah di seluruh negara.

Tahun pertama adalah satu perjuangan. Saya terpaksa berhadapan dengan kejutan budaya kerana Tottori sangat berbeza daripada jangkaan saya tentang Jepun, dan saya bergelut untuk berkawan di sini. Walau bagaimanapun, saya mula menyedari bahawa saya harus belajar untuk menerima pengalaman saya di sini, kerana semuanya adalah bonus bagi saya!

Kini saya menerima biasiswa daripada Rotary Yoneyama Memorial Foundation, dan saya telah mendapat ramai kawan baharu dengan penduduk tempatan. Saya menggunakan kebolehan berbilang bahasa saya dan bekerjasama rapat dengan kerajaan wilayah dan komuniti tempatan untuk membantu warga asing lain di sini dan mempromosikan keindahan Tottori di luar Jepun.



Kehidupan kampus



Menikmati persekitaran silang budaya dengan perspektif mendalam yang tertumpu pada masa depan negara saya.

ASRAEL
Fakulti Kejuruteraan (pelajar pertukaran Musim Luruh 2024)
Universiti Fukui

Dunia saya terhenti seketika selepas menerima surat penerimaan saya. Saya sentiasa terpesona dengan sistem pendidikan Jepun serta keindahan alam semula jadi dan musim-musim di Jepun, jadi saya sentiasa bermimpi untuk datang dan belajar di sini.

Setibanya saya di Fukui, saya disambut bukan sahaja oleh artifak dinosaur tetapi juga oleh kejutan budaya. Fukui jauh lebih tenang daripada kampung halaman saya, dan dikelilingi oleh orang yang bertutur dalam bahasa yang berbeza adalah satu cabaran.

Walaupun bagaimanapun, saya mengatasinya dengan membina hubungan yang bermakna dengan rakan-rakan antarabangsa dan Jepun yang baru saya temui, yang membantu saya bukan sahaja dalam masalah bahasa tetapi juga dalam kehidupan. Di universiti, saya mengambil kelas Industri Tradisional, di mana saya didedahkan dengan pelbagai kraftangan Jepun artisan: kertas buatan tangan washi, tekstil habutae, dan Echizen soba. Melalui ini, saya menyedari bahawa cara terbaik untuk mengalami "Jepun sebenar" adalah dengan keluar dan meneroka seolah-olah ia adalah peluang terakhir saya.

Jepun juga mempunyai banyak perkara yang saya harap dapat dimiliki di negara saya—seperti jalan raya mesra pejalan kaki dan basikal—jadi selain membawa pulang kisah-kisah yang tidak dapat dilupakan, saya berharap dapat kembali ke Filipina dengan perspektif yang bernas demi masa depan negara saya.



Jadual seharian


- 8:45 Menghadiri kelas Bahasa Jepun**
 Universiti ini terletak kira-kira lima belas minit berjalan kaki dari asrama saya, tetapi apabila saya bangun agak lewat, saya boleh berbasikal ke kelas pertama saya dalam masa lima minit!
- Tengahari Makan bersama kawan**
 Apabila kelas Bahasa Jepun saya tamat, perut saya mula lapar. Nasib baik, kafeteria universiti menawarkan makanan yang murah, jadi saya sering makan tengah hari di sana sambil berbual dengan rakan-rakan Jepun dan antarabangsa saya.
- 16:15 Kelas tamat, berbasikal di sekitar Bandar Fukui**
 Selepas kelas, saya sering berbasikal dan menemui perkara baharu di bandar, terutamanya semasa musim luruh. Walau bagaimanapun, apabila salji mula turun di Fukui, saya selalunya berjalan kaki dari kampus ke asrama saya.
- 18:30 Memasak atau makan malam di luar**
 Semasa beberapa minggu pertama saya di Jepun, saya biasanya makan di kedai ramen atau di kafeteria yang berpututan. Akhirnya saya belajar cara memasak hidangan yang mudah dan ringkas, dan menjimatkan banyak wang.
- 20:00 Bersedia untuk kelas saya yang seterusnya, berlatih menulis kanji.**
 Kami ada kerja rumah setiap hari dalam kelas Bahasa Jepun Bersepadu saya. Ia kedengaran banyak, tetapi saya fikir ia adalah cara yang sangat berkesan untuk mengingat Bahasa Jepun. Saya juga mengambil kelas kanji, jadi saya perlu berlatih sepuluh kanji baharu setiap minggu.
- 22:00 Masa lapang!**
 Saya biasanya berhubung dengan rakan-rakan antarabangsa yang lain melalui media sosial. Saya biasanya menggunakan masa ini untuk merancang jadual perjalanan saya di sekitar Jepun.
- 24:00 Masa untuk tidur**
 Badan saya mulai letih pada masa ini, jadi saya menghidupkan pemanas dan menuju ke futon saya untuk tidur yang lena.





Statistik Pelajar Antarabangsa di Jepun

Bilangan pelajar antarabangsa mengikut wilayah



Jumlah pelajar antarabangsa mengikut negara / kawasan

	Negara (kawasan)	Jumlah pelajar
1	China	123,485
2	Nepal	64,816
3	Vietnam	40,323
4	Myanmar	16,596
5	South Korea	14,579
6	Sri Lanka	12,269
7	Taiwan	7,655
8	Bangladesh	7,597
9	Indonesia	6,778
10	Mongolia	4,085

Jumlah pelajar antarabangsa mengikut jenis institusi

	Jumlah pelajar
Sekolah siswazah	58,215
Universiti (sarjana muda)	87,421
Kolej junior	3,265
Kolej teknologi	506
kolej latihan professional	76,402
Kursus persediaan universiti	3,658
Institut Bahasa Jepun	107,241
Jumlah	336,708

Menggunakan ejen pengajian di luar negara

Mengendalikan sendiri prosedur belajar di luar negara adalah menjimatkan dan mempunyai banyak kelebihan, seperti membangunkan kemahiran membuat keputusan dan meningkatkan kemahiran bahasa anda. Walau bagaimanapun, jika anda terlalu sibuk atau tidak pasti tentang kemahiran bahasa anda, menggunakan ejen pengajian di luar negara adalah satu pilihan. Walau bagaimanapun, berhati-hatilah kerana sesetengah ejen mengenakan yuran yang berlebihan atau memberikan maklumat yang salah.

Sebelum anda memutuskan untuk menggunakannya, pastikan anda mempertimbangkan pilihan anda dengan teliti.

Perkara yang perlu dipertimbangkan semasa memilih ejen

Poin 1 Yuran

- Adakah yuran yang dikenakan berpatutan berbanding ejen lain?

Poin 2 Pengalaman

- Adakah ejen tersebut mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam membantu pelajar yang ingin belajar di Jepun?

Poin 3 Perkhidmatan

- Adakah ejen memperkenalkan sekolah yang sepadan dengan matlamat anda untuk belajar di luar negara?
- Jangan gunakan ejen yang melakukan perbuatan tidak bermoral/haram, seperti menggalakkan anda memasuki negara ini dengan dokumen palsu.
- Adakah ejen memberikan jawapan yang memuaskan kepada soalan anda dan maklumat terkini tentang status permohonan?
- Jangan biarkan ejen menekan anda untuk memohon dengan cepat.
- Adakah ejen menerangkan kelebihan dan juga kesukaran yang mungkin anda hadapi ketika belajar di luar negara?

Bekerja sambil sambil belajar di Jepun

Individu yang mempunyai visa pelajar boleh melakukan kerja sambil **sehingga 28 jam seminggu** dengan memohon "Kebenaran untuk terlibat dalam aktiviti selain daripada yang dibenarkan di bawah status kediaman yang diberikan sebelum ini" di biro imigresen setempat. Kira-kira 65 peratus pelajar antarabangsa persendirian bekerja sambil, dengan purata pendapatan bulanan sekitar 81,000 yen (US\$540). Kerja sambil sahaja tidak mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan tuisyen dan sara hidup, jadi pastikan anda merangka pelan kewangan yang tidak bergantung pada kerja sambil apabila merancang untuk belajar di Jepun.



Berhati-hati dengan ejen pengajian di luar negara yang mendakwa anda boleh menjana banyak wang semasa belajar di Jepun!



Anda boleh mendapat gaji sejam sebanyak 3,000 yen!



Purata gaji setiap jam untuk kerja sambil adalah sekitar 1,300 yen.

Anda boleh mendapat 300,000 yen sebulan dengan melakukan kerja sambil!




Purata pendapatan bulanan daripada kerja sambil adalah sekitar 81,000 yen.



Laman web "Study in Japan"

Laman web Study in Japan menyediakan maklumat yang anda perlukan untuk belajar di Jepun, termasuk cara membuat persediaan, kehidupan sebagai pelajar di Jepun, dan maklumat biasiswa. Anda juga boleh mencari institusi yang memenuhi keperluan anda mengikut jurusan pilihan anda, bahasa yang digunakan dalam kelas, dan lokasi institusi. Selain mereka yang ingin belajar di Jepun atau ingin mencari institusi untuk dihadiri, kami juga mengesyorkan laman web ini untuk mereka yang masih tidak pasti sama ada mereka ingin belajar di luar negara, atau masih memilih negara mana untuk belajar.



Laman Web Study in Japan
<https://www.studyinJapan.go.jp/en/>



Seminar "Study in Japan"

Ini adalah peluang berharga di mana anda boleh bercakap terus dengan wakil institusi. Seminar "Study in Japan" diadakan dalam talian dan secara bersemuka setiap tahun.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Study in Japan.

Study in Japan
<https://www.studyinJapan.go.jp/en/events/>



Pejabat Antarabangsa JASSO

Anda boleh berunding dengan kami secara bersemuka, melalui telefon atau e-mel di mana-mana lima pejabat antarabangsa JASSO. Kami juga mempunyai pelbagai bahan rujukan mengenai pengajian di Jepun.



Thailand

1016/3, 10F Serm-mit Tower, 159 Asok-Montri Rd., Bangkok 10110 THAILAND


Tel : (+66) 2-661-7057
 E-mail : info@jeic-bangkok.org
 Web : <https://www.jeic-bangkok.org/>
 Facebook : <https://www.facebook.com/JASSO.Thailand>
 Instagram : <https://www.instagram.com/jasso.thailand/>



Korea

#702 Garden Tower, 84 Yulgok-ro, Jongno-gu, Seoul 03131 REPUBLIC OF KOREA

Tel : (+82) 2-765-0141
 E-mail : jasso@jasso.or.kr
 Web : <http://www.jasso.or.kr/>
 Facebook : <https://www.facebook.com/JASSO.Korea>
 Instagram : <https://www.instagram.com/jasso.korea/>



Indonesia

2nd Floor, Summitas Tower II, Jalan Jenderal Sudirman Kav. 61-62, Jakarta 12190 INDONESIA

Tel : (+62) 21-252-1912
 E-mail : info@jasso.or.id
 Web : <http://www.jasso.or.id/>
 Facebook : <https://www.facebook.com/jasso.indonesia>
 Instagram : <https://www.instagram.com/jasso.indonesia/>
 WhatsApp : <https://api.whatsapp.com/send?phone=62212521912>



Vietnam

4th Floor, CornerStone Building, 16 Phan Chu Trinh, Hoan Kiem, Hanoi, VIETNAM

Tel : (+84) 24-3710-0226
 E-mail : info@jasso.org.vn
 Web : <http://www.jasso.org.vn/>
 Facebook : <https://www.facebook.com/JASSO.Vietnam>



Malaysia

A-7-5, Northpoint Offices, Mid Valley City, No.1, Medan Syed Putra Utara, 59200 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel : (+60) 3-2287-0812
 E-mail : enquiry@studyinJapan.org.my
 Web : <http://www.studyinJapan.org.my/>
 Facebook : <https://www.facebook.com/JASSO.KL/>
 Instagram : <https://www.instagram.com/JASSO.Malaysia/>

Q. Saya pernah bersekolah di sekolah Jepun. Bolehkah saya memohon untuk peperiksaan kemasukan pelajar antarabangsa?

A. Sama ada anda boleh mengambil peperiksaan kemasukan pelajar antarabangsa atau tidak adalah keputusan institusi. Mereka yang telah menamatkan pengajian dari sekolah menengah Jepun, dan mereka yang mempunyai kebolehan berbahasa Jepun dan kewarganegaraan lain harus bertanya tentang peperiksaan kemasukan sebelum memohon ke institusi terbabit.

Q. Bagaimanakah saya perlu mencari maklumat mengenai tempoh permohonan, dokumen yang diperlukan dan peperiksaan kemasukan?

A. Butiran lanjut tentang proses permohonan dan peperiksaan kemasukan boleh didapati di laman web institusi atau garis panduan kemasukan. Sebaik sahaja anda telah membuat pilihan institusi, semak laman web atau garis panduan kemasukan mereka.



Q. Tolong beritahu saya tentang proses memasuki sekolah siswazah.



A. Semak syarat kemasukan, buat cadangan penyelidikan dan sahkan dokumen yang perlu dihantar. Secara amnya, anda mesti mencari penyelia akademik sendiri. Sesetengah institusi memerlukan anda untuk mendapatkan penerimaan tidak rasmi sebelum permohonan, jadi sahkan perkara ini dengan institusi pilihan anda secepat mungkin.

Q. Sila beritahu saya tentang program pertukaran antarabangsa sekolah menengah dan biasiswa.

A. Kumpulan di bawah menawarkan sokongan untuk pertukaran antarabangsa sekolah menengah.

• **Program Antara Budaya AFS**

URL: <https://afs.org>

Nota: Gunakan fungsi "Cari AFS di Negara Anda" untuk bertanya di pejabat tempatan anda.

• **YOUTH FOR UNDERSTANDING (YFU)**

URL: <https://yfu.org>

Kami percaya semua orang boleh menemui sesuatu yang berharga dengan melanjutkan pelajaran di Jepun.

Japan Student Services Organization (JASSO) menyediakan program sokongan berikut untuk pelajar antarabangsa

- Peruntukan biasiswa
- Menganjurkan Peperiksaan untuk Kemasukan Universiti Jepun untuk Pelajar Antarabangsa (EJU)
- Pengumpulan dan penyediaan maklumat tentang pembelajaran di luar negara
- Pendidikan Bahasa Jepun
- Sokongan perumahan

[Disunting dan diterbitkan oleh]

Institusi Pentadbiran Bebas

Japan Student Services Organization (JASSO)

Bahagian Promosi Pertukaran Pelajar,

Jabatan Pertukaran Pelajar

2-2-1 Aomi, Koto-ku, Tokyo 135-8630

E-mail : infoja@jasso.go.jp

Tel : (+81) 3-5520-6111

Web : <https://www.studyinjapan.go.jp/ja/>

Facebook : <https://www.facebook.com/profile.php?id=100092715664950>

Instagram : https://www.instagram.com/jasso_study_in_japan/



Independent Administrative Institution

Japan Student Services Organization

